

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**Kenyataan Akhbar**  
*Press Release*

**UNIMAS zahirkan erti kemerdekaan dalam landskap pendidikan negara serta bercorakkan Keluarga Malaysia sempena sambutan Hari Kebangsaan 2022**

**25 Ogos 2022, KOTA SAMARAHAN** – Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) hari ini meraikan Sambutan Hari Kebangsaan 2022 bertemakan “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” di Dataran Canselori. Sambutan ini telah disertai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie, Naib Canselor UNIMAS, Ybhg Prof. Dato’ Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, ahli-ahli Majlis Dekan UNIMAS serta semua warga kampus.

Di antara simbolik sambutan yang diadakan ialah Ikrar Rukun Negara yang dibacakan oleh Supertendant Kehormat, Prof. Dr. Faisal Ali Anwarali Khan, Timbalan Komandan Kor Suksis UNIMAS. Seterusnya upacara menaikkan Jalur Gemilang diiringi dengan lagu “Negaraku” dan “Jalur Gemilang”.

Di peringkat universiti, UNIMAS tidak ketinggalan untuk menzahirkan erti, konsep kemerdekaan dalam pelbagai bentuk, jiwa dan rasa. Menurut Naib Canselor UNIMAS, Ybhg Prof. Dato’ Dr. Mohamad Kadim Suaidi, erti kemerdekaan dalam landskap pendidikan negara pula, peranan UNIMAS sebagai sebuah universiti awam terus komited dalam menyumbangkan ilmu, berkongsi kepakaran dan membantu pertumbuhan pembangunan negara dengan melahirkan kebolehpasaran graduan berkaliber, sumbangaan berterusan dalam penyelidikan serta kepada komuniti sejagat.

Bertemakan “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” sambutan di peringkat UNIMAS ini selari dengan konsep keharmonian yang telah lama terjalin dalam keluarga besar berbilang kaum di negara kita. Teguh bersama melambangkan kekuatan dan kesepadan yang dicapai secara kolektif dan mampan.

**U N I M A S**

25 Ogos 2022

Chancellory Division  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 582 401  
Fax +60 82 665 088  
Emel: [azadnurlisa@unimas.my](mailto:azadnurlisa@unimas.my)  
[www.unimas.my](http://www.unimas.my)